

02/1

BAHASA MELAYU**KERTAS 1****1 JAM 30 MINIT**

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>	-	<input type="text"/>											
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	---	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

Nama Pelajar :

Tingkatan :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)

**MODUL KOLEKSI ITEM
TINGKATAN 3
2019**

**BAHASA MELAYU
UJIAN BERTULIS KERTAS 1
MASA : SATU JAM TIGA PULUH MINIT**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Buka kertas soalan ini apabila diberitahu.
2. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak.


Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian**, iaitu **bahagian A**, **bahagian B** dan **bahagian C**. Jawab **semua soalan** dalam **bahagian A** dan **bahagian B** serta pilih **satu soalan** daripada **bahagian C**.

Bahagian A
(20 markah)

Soalan 1 hingga 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Beberapa buah kereta telah _____ oleh pokok yang tumbang itu selepas berlakunya hujan lebat.
A dihempap
B dihempas
C ditindih
D dihimpit

2. Beliau mendapat _____ daripada sultan kerana jasanya kepada masyarakat.

- A hadiah
- B sumbangan
- C cenderamata
- D anugerah

3. Gambar-gambar itu disiarkan dengan _____ Jabatan Penerangan.

- A ehsan
- B ihsan
- C insan
- D perkenan

Soalan 4 hingga 5

Ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika **terdapat kesalahan**, kesalahan itu telah ditanda dengan **A, B atau C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

4. Rakyat negara ini dapat tinggal bersama-sama dan berasa serasi di antara satu

A

B

sama lain pada peringkat sekolah, sekali gus memupuk perpaduan nasional.

C

Tiada kesalahan.

D

SULIT

5. Hanny dan rakan-rakannya tetap meneruskan pendakian ke puncak Gunung Stong

A

walaupun menghadapi berbagai rintangan. Tiada kesalahan.

B**C****D**

Soalan 6 hingga 7

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

6. I Pengganas yang ditembak itu lari *susup-sasap* dalam hutan senduduk.

II Ketika hendak tidur dia *susup-sasap* jam tangannya ke bawah bantal.

III Tikus itu lari *susup-sasap* apabila dikejar oleh seekor kucing.

IV Dalam kesibukan itu mereka *susup-sasap* kami ke tempat yang selamat.

A I dan II sahaja

B I dan III sahaja

C II dan IV sahaja

D III dan IV sahaja

7. I Pakar-pakar perubatan telah *menemukan* cara mengubati penyakit itu.

II Polis telah *menemukan* kereta yang digunakan oleh perompak itu di sebuah ladang getah.

III Pekebun sayur memberitahu polis mengenai *menemukan* senjata api itu.

IV Saya akhirnya *menemukan* lukisan itu di sebuah kedai barang antik di bandar raya.

A I, II dan III sahaja

B I, II dan IV sahaja

C I, III dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

Soalan 8 – 9

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika **tiada kesalahan**.

8. Kutipan derma itu kami akan serahkan kepada wakil setiap kampung yang dilanda banjir.

- A akan kami serahkan kepada
- B akan kami serahkan pada
- C kami akan serahkan pada
- D kami akan serahkan kepada

9. Ibu tua itu menunggu kepulangan anaknya yang hilang di laut dari masa ke semasa.

- A dari masa kepada masa
- B daripada masa ke semasa
- C dari semasa ke semasa
- D dari masa ke semasa

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf *condong* dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- I Penduduk kampung telah menemukan *bekas* tapak kaki harimau di kebun getah mereka.
- II *Bekas* wakil rakyat kawasan itu telah meninggal dunia malam tadi.
- III Orang tua itu menyusun beberapa *bekas* kayu api di belakang rumahnya.
- IV Suraya mengisi bekalan ke tempat kerja di dalam *bekas* plastik berwarna putih.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

- 11.I Lembaga hitam itu telah *meresap* di dalam kegelapan malam.
- II Apa-apa yang dikatakan oleh Khatijah *meresap* di hati
 - III Dakwat pen yang tumpah itu telah *meresap* ke permaidani baharu.
 - IV Budaya kuning mudah *meresap* ke dalam fikiran remaja yang tiada panduan hidup.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Pilih ayat yang mempunyai **maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

- 12. Beberapa jenis haiwan liar tidak boleh diburu supaya haiwan tersebut tidak mengalami kepupusan.**

- A Larangan memburu beberapa jenis haiwan liar adalah untuk memastikan haiwan tersebut tidak mengalami kepupusan.
- B Beberapa jenis haiwan liar yang dilarang untuk diburu telah mengalami kepupusan.
- C Beberapa jenis haiwan liar tidak dibenarkan untuk diburu kerana haiwan tersebut sedang mengalami kepupusan.
- D Untuk memastikan beberapa jenis haiwan liar tidak mengalami kepupusan, pemburu diingatkan supaya tidak berburu.

13. Lagu kebangsaan berfungsi untuk melambangkan kebanggaan dan kedaulatan sesebuah negara.

- A Bagi melambangkan kedaulatan dan kebanggaan setiap negara mempunyai lagu kebangsaan masing-masing.
- B Setiap negara mempunyai lagu kebangsaan tersendiri yang melambangkan kebanggaan dan kedaulatan negara itu.
- C Kebanggaan dan kedaulatan negara tidak dapat diterjemah tanpa lagu kebangsaan.
- D Kedaulatan sesebuah negara tiada ertinya jika negara itu tidak mempunyai lagu kebangsaan yang membanggakan.

Soalan 14 - 15

Pilih peribahasa atau **maksud peribahasa** yang paling sesuai.

14. "Zarul, kamu berhak menyelesaikan masalah itu tetapi kamu mestilah berhati-hati agar tidak ada mana-mana pihak yang tersinggung," kata Encik Haris kepada anaknya.

- A Menangguk di air keruh
- B Sebelum ajal berpantang mati
- C Sudah terhantuk baru terngadah
- D Menarik rambut di dalam tepung

15. Peribahasa *seikat bak sirih, serumpun bak serai* bermaksud

- A Bersatu padu dalam segala hal
- B Bergotong-royong melakukan kerja
- C Ikatan yang kukuh adik-beradik
- D Persahabatan antara rakan sebaya

Soalan 16 hingga 17

Baca petikan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

"Nana suruh cik...hantar semua ni? Dia masak sendiri, kan? Mak Piah memang amat peramah. Saya pun menikmati resipi pembohongan yang terpampang tiba-tiba!

Ya Allah, ampunkanlah saya kalau ini dapat membahagiakan hati wanita yang jelas teramat sedang merindukan anak cucunya. Saya tidak perlu banyak berbohong untuk menyambung keramahan bicaranya kerana Mak Piah lancar menyоal, dan segera menjawab pula! Daripada Nubhan, anak sulung yang sentiasa tunduk kepada isteri, sehinggalah kepada Nana, anak bongsu yang takutkan suami. Saya rakamkan cerita dalam lautan fikir yang masih tidak mampu menerima kenyataan bahawa masih ada manusia yang tergamak memisahkan anak daripada ibu tua mereka.

"Nana sihat? Anak-anak dia macam mana? Suami dia...? Sampai di situ suara Mak Piah terhenti. Ya Allah, apa yang saya nak jawabkan ni? Pasal apa Mak Piah tak pindah ke pusat pemindahan, sama jiran-jiran? Allah melorongkan soal itu daripada mulut saya. Mak Piah mengesat air mata.

"Banjir dulu, pindah juga ke pusat pemindahan tapi susah. Mak Piah ni kencing kerap, kadang-kadang tak sempat ke bilik air. Kali ini, biarlah duduk di rumah. Daripada sakit telinga dengar umpat caci orang, lebih baik menahan lapar di rumah sendiri."

Ya Allah, beginikah saya apabila tua nanti?" Tak apa Mak Piah, selagi banjir tak surut, Insya-Allah, saya akan temankan Mak Piah." Sebaik-baik terluncur perkataan terakhir daripada mulut saya, Mak Piah menerkam memeluk ke tubuh yang telah lama tidak didakap ibu.

"Terima kasih...terima kasih," ucapnya bertubi kali seperti ucapan dan pelukan emak sewaktu saya membelikan pokok bunga mawar sebagai hadiah hari lahirnya. Terungkai saja rangkulannya, Mak Piah merenung saya. Juraian air matanya jelas luahan bahagia.

Dipetik daripada cerpen *Banjir di mata emak*,
Antologi Baik Budi Indah Bahasa Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

16. Berdasarkan petikan di atas, mengapa Mak Piah tidak mahu berpindah ke pusat pemindahan banjir?

- A Nana tidak menghantar Mak Piah ke tempat pusat pemindahan banjir
- B Mak Piah menunggu kedatangan Nana dan Nubhan
- C Mak Piah rela berlapar di rumahnya
- D Mak Piah kerap kencing

17. Apakah perwatakan Mak Piah berdasarkan petikan di atas?

- A seorang yang penyayang
- B seorang yang prihatin
- C seorang yang baik hati
- D seorang yang peramah

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka Miskin pun sampailah kepada tempatnya. Setelah dilihat oleh bininya akan suaminya datang membawa buah mempelam setangkai, maka ia pun tertawa seraya disambutnya lalu dimakannya.

Setelah sudah itu ada selang tiga hari antaranya maka isterinya pun menangis pula hendak makan buah nangka yang di dalam taman raja itu juga. Maka pergi pula Miskin itu memohonkan kepada baginda itu.

Maka sujudlah pula ia kepada baginda. Maka titah baginda, "Apa pula kehendakmu, hai Miskin?" Maka sahut Si Miskin, "Ya Tuanku, ampun beribu-ribu ampun," serta ia sujud kepalanya lalu diletakkannya ke tanah serta ia pun berkata pula . "Hamba ini orang miskin, hamba minta daun nangka yang gugur ke bumi barang sehelai."

Maka titah baginda, "Hai, Miskin, hendak kau buatkan apa daun nangka, baik aku beri buahnya barang sebijji."

Maka diberikan kepada Si Miskin itu. Maka ia pun seraya bermohon kembali mendapatkan isterinya itu. Maka ia pun sampailah. Setelah dilihat oleh isterinya itu suaminya datang itu, maka disambutnya buah nangka itu lalu dimakan oleh isterinya itu. Demikian telah selama hamil itu segala makanan, kain baju dan beras padi dan segala perkakas itu pun banyaklah dia diberi orang.

(Dipetik daripada Prosa Tradisional Bahagia Sesudah Derita, antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, aras mega (m) sdn. bhd)

18. Berdasarkan petikan prosa di atas, apakah yang diminta oleh isteri Si Miskin?

- A Isteri Si Miskin meminta untuk makan buah mempelam dan buah nangka di dalam taman raja
- B Isteri Si Miskin meminta untuk makan buah nangka dan daunnya
- C Isteri Si Miskin meminta untuk makan buah mempelam
- D Si Miskin meminta untuk makan daun nangka

19. Apakah nilai yang terdapat dalam petikan prosa di atas?

- A nilai kerajinan
- B nilai rasional
- C nilai kasih sayang
- D nilai berdikari

20. Yang berikut ialah faedah berbuat baik sesama manusia, **kecuali**

- A mudah memberi bantuan
- B menghindari persengketaan
- C mengeratkan silaturahim
- D hidup sentiasa dalam rahmat-Nya

Bahagian B
(25 Markah)

Soalan 1

Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

- i Manusia mula mencipta mesin-mesin untuk meningkatkan produktiviti.

- ii Saya telah menulis jawapan pada ruang yang disediakan berdasarkan maklumat yang didengar.

- iii Pakar motivasi terkenal menyampaikan ceramah tentang ilmu keibubapaan itu.

- iv Anda dapat membayangkan situasi mesin akan berinteraksi dengan mesin dalam era industri 4.0.

- v Mereka melaksanakan projek perumahan itu dengan jayanya.

(5 markah)

Soalan 2

Arahan : Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terkenal dengan amalan teknologi hijau yang lestari, kini maju selangkah lagi dengan membawa kereta elektrik yang bersifat mesra alam untuk kegunaan warganya. Kereta tersebut, *Chotto Odekake Machimade Suisui* (COMS) ditaja oleh sebuah syarikat pengeluar kereta Jepun. Tajaan tersebut merupakan sebahagian memorandum persefahaman antara UPM dengan pengeluar kereta Jepun. Tajaan ini menjadi pemangkin dalam kalangan penyelidik UPM untuk membangunkan kereta elektrik di Negara kita.

Spesifikasi COMS

Panjang : 2395 mm

Lebar : 1095 mm

Tinggi : 1500 mm

Kuasa maksimum : 250Nm

Kelajuan maksimum : 160 km

Masa mengecas : 6 jam

(Sumber : www.upm.edu.my)

BAHAN 2

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya membangunkan sistem pengecas kereta elektrik yang dikenali sebagai *Electrical Vehicle* (MyEV).

Sistem pengecas ini dibangunkan oleh Sekolah Informatik Termaju, UTM Kampus Kuala Lumpur (UTM AIS) dengan kerjasama dua buah syarikat elektrik Jepun yang berpangkalan di Malaysia.

MyEV dilengkapi perisian GPS yang dapat mengenal pasti lokasi pemandu dan memaklumkan pemandu tentang lokasi stesen pengecas yang terdekat.

UTM juga akan membangunkan aplikasi MyEV yang membolehkan pengguna mendapat mesej pemberitahuan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) apabila bateri kereta selesai dicas.

Spesifikasi Pengecas Kereta Elektrik MyEV

Masa mengecas : 4 jam

Kadar mengecas : RM 8.00

Jauh pergerakan : 160km

Sistem pemantauan : Perisian GPS

(Sumber : www.upm.edu.my)

i. Berdasarkan bahan 1 dan bahan 2 di atas, nyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)?

(3 markah)

ii. Berdasarkan kedua-dua petikan, nyatakan sumbangan syarikat dari Jepun kepada universiti di Malaysia? (3 markah)

iii. Pada pendapat anda, apakah sumbangan kerajaan untuk memajukan teknologi hijau di Malaysia? (4 markah)

Soalan 3 : Novel (10 markah)

Pengajaran sering dipaparkan oleh penulis sesebuah novel supaya dapat diteladani oleh pembaca. Pengajaran disampaikan kepada pembaca melalui pelbagai cara termasuklah menerusi watak sampingan.

Berdasarkan novel Chot yang telah anda kaji di Tingkatan 3, nyatakan **satu pengajaran** yang dapat dikaitkan dengan **setiap** watak sampingan yang telah ditetapkan berserta contoh peristiwa yang sesuai.

NOVEL**CHOT****Watak****sampingan**

- . Mak Su Kiah
- . Leha / ibu
- . Som

BAHAGIAN C

Arahan : Pilih **satu soalan** sahaja sama ada **soalan 1** atau **soalan 2**.

Soalan 1

Ringkasan
 (15 markah)
 (Masa dicadangkan : 15 minit)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca berkurangnya bekalan air bersih di negara kita**. Panjang ringkasan anda tidak melebihi **100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan

Air merupakan sumber yang penting untuk kelestarian dan kelangsungan kehidupan. Negara kita mempunyai lebih daripada 150 batang sungai yang menjadi sumber air mentah utama. Walau bagaimanapun, Malaysia terdedah kepada risiko kekurangan bekalan air jika sumber air tersebut tidak dijaga dan diurus dengan baik.

Peningkatan permintaan air oleh pengguna akibat pertambahan bilangan penduduk menyebabkan berlakunya penyusutan bekalan air. Krisis air juga berlaku disebabkan oleh sikap pengguna yang sering menggunakan air secara berlebihan. Keadaan ini berlaku kerana sikap sebahagian rakyat Malaysia yang tidak menghargai air sehingga melakukan pembaziran. Sumber bekalan air negara juga terjejas disebabkan oleh pembangunan yang tidak terancang. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembalakan dan perancangan bandar tidak diurus dengan baik. Sehubungan dengan itu, semua pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk menangani isu pembalakan dan pembangunan yang tidak terancang ini.

Malaysia juga pernah dilanda beberapa episod krisis air. Pada masa itu, kerajaan terpaksa mencatut bekalan air akibat sumber air yang semakin susut. Selain itu, pelepasan sisa toksik daripada aktiviti industri ke sungai-sungai telah menyebabkan air tercemar. Di samping itu, kewujudan tapak pelupusan sampah berhampiran sungai yang menghasilkan air licik telah mencemarkan air sehingga menyebabkan berkurangnya sumber bekalan air bersih. Keadaan ini menunjukkan kualiti air sungai semakin merosot.

Selain faktor-faktor di atas, masalah kecurian air juga menjadi salah satu sebab berlakunya krisis air. Sehubungan dengan itu, masa depan dan nasib sumber air negara terletak di tangan kerajaan dan rakyat.

Dipetik dan diubah suai daripada “air semakin kurang” oleh Haliza Ab Rahman

Dewan Kosmik, Mei 2013.

SULIT

Soalan 2

Ulasan

(15 markah)

(Masa dicadangkan : 15 minit)

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Kemudian tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

TING 3

02/1

JOM SERTAI KAMI

HARI KANTIK

SMK BITARA JAYA

Acara-acara yang menarik:

- Pertandingan "Akulah Bintang".
- Pertandingan swafoto paling unik.
- Pertunjukan silap mata.
- Pemeriksaan kesihatan percuma.
- Kempen derma darah.

Gerai pameran:

- Pameran kraf tangan.
- Pameran buku.
- Pameran produk inovasi.
- Pameran antidadah.

Gerai jualan:

• Makanan.	• Buku.
• Minuman.	• Permainan.
• Pakaian.	• Rumah hantu.

**HADIAH MENARIK
MENANTI ANDA
CABUTAN BERTUAH**

DATANGLAH BERAMAI-RAMAI

Tarikh: 13 April 2019
Masa: 9:00 pagi hingga 3:00 petang
Tempat: SMK Bitara Jaya

